

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2002/2003

April/Mei 2003

**JPG 412 – KOMPUTER DAN PENDIDIKAN**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN NO. 1 dan pilih DUA (2) soalan yang lain.

Tuliskan angka giliran disetiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Keseluruhan soalan diperuntukan 100 markah.

1. Sebelum sesuatu perisian kursus Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) digunakan, ia perlu melalui proses penilaian. Bincangkan garis panduan dari segi pedagogi dengan memberi penekanan kepada tujuan, langkah-langkah dan kriteria membuat penilaian. Bandingkan dan bezakan cadangan langkah dan kriteria penilaian yang dikemukakan oleh Komoski dan Plotnik (1995) dengan langkah dan kriteria yang diutarakan oleh Zoraini Wati Abas (1996).

(40 markah)

2. Bincangkan dua cara yang terdapat dalam proses penghasilan perisian kursus pendidikan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK). Dengan menggunakan contoh yang sesuai, huraikan proses yang terlibat dalam kitaran pembangunan perisian kursus pendidikan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK).

(30 markah)

3. Bincangkan sejarah perkembangan komputer dengan menjelaskan ciri-ciri utama perbezaan di antara komputer generasi kedua dengan komputer generasi keempat.

(30 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan perkakasan dan perisian komputer? Nyatakan jenis-jenis perkakasan dan perisian komputer dan huraikan peranan bagi setiap satu daripadanya.

(30 markah)